

Bilangan penganggur terus menurun pada Julai

PETALING JAYA: Bilangan penganggur terus menurun kepada 579,200 orang pada Julai 2023 berbanding 581,700 bulan sebelumnya, mencatatkan kadar pengangguran 3.4 peratus, kata Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, pasaran buruh berkembang secara sederhana, merekodkan bilangan penduduk bekerja yang semakin meningkat, manakala bilangan penganggur menurun.

Katanya, bilangan tenaga bu-

ruh pada Julai naik 0.1 peratus kepada 16.91 juta orang (Jun 2023: 16.89 juta orang), mencatatkan kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) lebih tinggi pada bulan tersebut iaitu pada 70.1 peratus (Jun 2023: 70.0 peratus).

“Bilangan penduduk bekerja pada Julai mencatatkan trend menaik yang berterusan, dengan peningkatan 0.2 peratus bulan ke bulan kepada 16.34 juta orang (Jun 2023: 16.31 juta orang).

“Manakala, bilangan penganggur pada bulan tersebut terus menurun sebanyak 0.4 peratus kepada 579,200 orang

(Jun 2023: 581,700). Kadar pengangguran bulan Julai kekal pada 3.4 peratus seperti pada bulan sebelumnya,” katanya dalam kenyataan.

Mengulas lanjut mengenai kedudukan guna tenaga, Mohd Uzir berkata, kategori pekerja yang secara konsisten membentuk komposisi terbesar penduduk bekerja, merangkumi sumbangan sebanyak 75.4 peratus.

Tambahnya, kategori itu mencatatkan peningkatan bulan ke bulan sebanyak 0.1 peratus kepada 12.31 juta orang.

“Begitu juga, penduduk be-

kerja sendiri turut berada dalam trend meningkat, dengan kenaikan sebanyak 0.4 peratus merekodkan 2.96 juta orang,” ujarnya.

Jelasnya, sektor perkhidmatan terus mencatatkan peningkatan dalam bilangan penduduk bekerja, terutamanya dalam aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman; perdagangan borong dan runcit; dan pendidikan.

Bilangan penduduk bekerja dalam sektor pembinaan serta perlombongan dan pengkuarian juga kekal dalam trend positif, manakala sektor pembuatan dan pertanian merekodkan pe-

nurunan sedikit pada bulan tersebut.

“Mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan atau penganggur aktif, merangkumi 80.2 peratus daripada jumlah penganggur. Kategori ini merekodkan penurunan sebanyak 0.5 peratus kepada 464,700 orang.

“Mereka yang menganggur kurang daripada tiga bulan meliputi 61.3 peratus, manakala mereka yang berada dalam pengangguran jangka panjang melebihi setahun merangkumi 6.3 peratus,” katanya.